

BAB 4

“SIASAH AL-MANŞŪR TERHADAP SAINGAN POLITIKNYA”

BAB IV

“*SIASAH AL-MANŞŪR TERHADAP SAINGAN POLITIKNYA*”

4.1 *Muqaddimah*

Peringkat awal pemerintahan Khalīfah al-Manşūr bolehlah dianggap sebagai peringkat pembentukan asas-asas *daulah* ‘Abbāsiyyah. Dalam usahanya memantapkan asas-asas penubuhan *daulah* ‘Abbāsiyyah, berbagai halangan terpaksa dihadapi oleh beliau, khususnya yang melibatkan ancaman kepada pengaruh dan kekuasaannya. Konflik yang berlaku di antara beliau dengan bapa saudaranya; pemberontakan ‘*Alawiyyīn*; pengaruh Abu Muslim; pemberontakan-pemberontakan pasca pembunuhan Abū Muslim, pemberontakan *Khawārij* dan sebagainya adalah merupakan ancaman yang menggugat kedudukan al-Manşūr dan *daulah* yang sedang di peringkat awal pembentukannya.

Justeru itu berbagai pendekatan, *siasah* dan kaedah digunakan oleh al-Manşūr untuk menjayakan agenda politiknyanya dan sekaligus memantapkan asas *daulah* ‘Abbāsiyyah yang baru berusia lima tahun itu. Al-Manşūr mempunyai *siasahnya* yang tersendiri ketika berhadapan dengan siri-siri pemberontakan dan siapa sahaja yang dianggap sebagai saingan politiknyanya. Bab ini akan memperincikan secara khusus pendekatan, strategi dan *siasah* yang digunakan oleh beliau bagi menghapuskan saingan politiknyanya.

4.2 Ancaman-ancaman Terhadap Politik Al-Manşūr

Ancaman terhadap politik al-Manşūr bersumberkan dua kumpulan / individu iaitu:

- i- Tokoh-tokoh yang menentang beliau secara kekerasan dalam bentuk pemberontakan besar semasa pemerintahannya (136H-158H) seperti bapa saudaranya, ‘Abd Allāh b. ‘Alī yang mengetuai pemberontakan pada awal pemerintahan al-Manşūr; Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah* dan saudaranya, Ibrāhīm b. Ḥasan yang mengepalai pemberontakan ‘*Alawiyyīn* dan tokoh-tokoh lain. Bab ini hanya akan memaparkan secara ringkas sebahagian dari siri-siri pemberontakan yang dilancarkan selain dari pemberontakan ‘Abd Allāh yang telah didetikan dalam bab II dan III.
- ii- Tokoh-tokoh penting yang dianggap oleh al-Manşūr sebagai berpotensi menghalang cita-cita politiknya serta berpengaruh, tetapi tidak melancarkan penentangan secara terbuka seperti Abū Muslim al-Khurāsānī dan ‘Īsā b. Mūsā.

Al-Manşūr mempunyai *siasah* tertentu dalam menghadapi golongan ini samada secara diplomasi, kekerasan atau melalui kaedah lain yang lebih lunak pada pandangannya, tetapi berkesan dalam mencapai agenda politiknya.

4.3 Kemunculan Pemberontakan Selepas Pemberontakan 'Abd Allāh

Ekoran pembunuhan Abu Muslim al-Khurāsānī muncul beberapa pemberontakan yang bertujuan menuntut bela atas kematiannya. Ia melibatkan pemberontakan Sunbāz, Mulabbad, al-Muqanna'iyah, Bābak al-Khurramī, pemberontakan Ustādh Sīs, puak Zindīq dan pemberontakan Khurāsān. Sejarawan menamakan pemberontakan ini sebagai *Harakāt al-Mawālī*. Al-Manṣūr juga menghadapi pemberontakan Rawāndiyyah, Khawārij dan 'Alawiyyīn. Kajian ini hanya akan memperkatakan beberapa siri pemberontakan yang dianggap terpenting di era pemerintahan al-Manṣūr selepas pemberontakan bapa saudaranya, 'Abd Allāh.

4.3.1 Pemberontakan Sunbāz dan Mulabbad

Kedua-dua pemberontakan ini berlaku pada tahun 137 H. Sunbāz adalah seorang Majūsī yang berasal dari perkampungan Naysābūr. Penentangan beliau berpusat di Qūmis dan Asfahān yang dikuasainya. Motif penentangannya ialah menuntut bela terhadap pembunuhan Abū Muslim al-Khurāsānī.¹

Bagi menyekat pemberontakan Sunbāz, al-Manṣūr mengutuskan Jahwar al-'Ajli yang memimpin sepuluh ribu tentera berkuda ke Qūmis dan Asfahān. Mereka bertempur di sebuah gurun yang terletak di antara Hamadhān dan al-Rayy. Sunbāz hanya mampu bertahan selama tujuh puluh hari dan akhirnya terbunuh dalam

¹ Ibn Ṭabā Ṭibā (1966), op. cit., h. 148; Ibn. Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 75.

pertempuran ini. Semua harta yang dikuasainya hasil peninggalan Abū Muslim dirampas semula oleh Jahwar al-ʿAjli.²

Pemberontakan Mulabbad b. Harmalah al-Syaibānī juga berlaku pada tahun 137 H. Mulabbad yang memimpin lebih seribu penyokongnya dari puak Khawārij melancarkan pemberontakannya di Jazīrah. Al-Manṣūr menghantar beberapa pasukan tenteranya, tetapi tidak dapat menewaskan Mulabbad. Pemberontakan ini bagaimanapun berakhir setelah Ḥamīd b. Quḥṭabah, Timbalan Gabenor Jazīrah berjaya memujuk Mulabbad untuk berdamai dengan tawaran ganjaran sebanyak seratus ribu Dirham. Mulabbad serta pengikutnya bagaimanapun dibunuh selepas itu oleh Khāzim b. Khuzaimah atas arahan al-Manṣūr.³

4.3.2 Pemberontakan Khurāsān

Pemberontakan Khurāsān tercetus pada tahun 140H. apabila sekumpulan tentera melancarkan penentangan terhadap Abū Dawūd, Timbalan Gabenor Khurāsān. Mereka mengepung rumahnya dan hampir berjaya menangkapnya. Dalam usahanya melepaskan diri dari kumpulan tentera terbabit, beliau ditimpa runtuhannya dinding konkrit yang menyebabkannya mengalami kecederaan serius serta membawa kepada kematiannya.⁴

² Ibid. Jahwar ini kemudiannya menderhakai Khalifah al-Manṣūr pada tahun 138H. serta menguasai semua harta yang dirampas dari Sunbāz. Beliau bagaimanapun dikalahkan oleh Muḥammad b. al-Asyʿas al-Khuzāʿī atas arahan Khalifah al-Manṣūr. Lihat Ibn Kathir (1987), Ibid., j. 10, h. 76.

³ Ibid., j. 10, h. 75-76.

⁴ Ibid., 10, h. 77.

Sejurus setelah al-Manşūr mendapat berita kematian Abū Dawūd serta penentangan kumpulan tersebut, beliau terus menghantar ‘Abd al-Jabbār b. ‘Abd al-Rahmān al-Azdī sebagai pengganti. Bertindak atas arahan Khalīfah al-Manşūr, ‘Abd al-Jabbār memerangi kumpulan pemberontak tersebut serta membunuh dan menahan beberapa pemimpin kanan kerajaan atas dakwaan mereka bersubahat dengan ‘Alawīyyīn.⁵

4.3.3 Pemberontakan Ustādh Sīs

Pemberontakan yang berlaku di Khurāsān pada tahun 150H ini dipimpin oleh seorang kafir bernama Ustādh Sīs. Beliau yang disokong oleh tiga ratus ribu pengikut berjaya menguasai kebanyakan tempat di Khurāsān, antaranya Herāt, Badghis dan Sistār. Mereka membunuh ramai orang Islam, mengalahkan tentera kerajaan, memperhambakan tawanan serta melakukan banyak kerosakan.⁶

Bagi menyekat kemaraan pemberontakan ini, al-Manşūr mengutuskan Khāzim b. Khuzaymah ke Khurāsān. Beliau yang memimpin sejumlah empat puluh ribu tentera telah berjaya melumpuhkan pemberontakan ini setelah menggunakan berbagai helah dan tipudaya peperangan. Seramai tujuh puluh ribu penyokong Ustādh Sīs terbunuh dan empat belas ribu ditawan. Ustādh Sīs bagaimanapun

⁵ Ibid.

⁶ Ibid., 10, h. 109-110; Ḥasan Aḥmad Maḥmūd et. al. (1973), op. cit., h. 84.

melarikan diri ke kawasan perbukitan. Beliau dikepung beberapa lama dan akhirnya terpaksa menyerah diri.⁷

4.3.4 Pemberontakan *al-Rawandiyyah*⁸

Al-Ṭabarī meriwayatkan dari al-Madā'inī bahawa kumpulan ini berasal dari Khurāsān yang mempunyai fahaman agama yang bercanggah dengan Islam. Pengasas fahaman ini ialah al-Ablaq yang meyakini bahawa roh nabi 'Īsā 'a.s. berpindah kepada 'Alī b. Abū Ṭālib dan kemudiannya berpindah dari satu *Imām* kepada *Imām* yang lain sehinggalah sampai kepada Ibrāhīm b. Muḥammad (*al-Imām*).⁹ Kepercayaan ini adalah selari dengan konsep *al-Tanāsukh*¹⁰.

Di zaman al-Manṣūr golongan ini percaya bahawa roh Ādam berpindah kepada Othmān b. Nahyak dan Abū Ja'far adalah tuhan yang memberi makan dan minum kepada mereka.¹¹ Kepercayaan ini merupakan warisan pegangan mereka sebelum Islam yang mengagungkan raja serta meletakkannya setaraf dengan tuhan.¹²

⁷ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 10, h. 344; Ibn. Kathīr (1987), loc. cit., j. 10, h. 110; Al-Nawbakhtī (1931), *Firaq al-Shī'ah*, Istanbul, h. 42-43.

⁸ *Al-Rawāndīyyah*: Nisbah kepada Bandar Rawānd yang bersebelahan dengan Iṣfahān. Lihat al-Yasū'ī (1988), op. cit., h. 261.

⁹ Al-Ṭabarī (1939), loc. cit., j. 9, h. 307.

¹⁰ *Al-Tanāsukh*: iaitu kepercayaan tentang penjelmaan roh tuhan kepada individu tertentu. Lihat al-Syahrastānī (1965), *al-Milāl wa al-Niḥal*, Mesir: Dār a-Ma'arif, Kaherah, h. 95.

¹¹ Al-Ṭabarī, loc. cit.

¹² Ibn. Kathīr, loc. cit., j. 10, h. 78.

Satu ketika kumpulan ini datang ke istana Khalīfah al-Manṣūr lalu mengelilinginya sambil berkata: “ini adalah istana Tuhan kami”. Ada di kalangan mereka yang memanjat ke *Qubbah Sakhrā’ / Khadrā’* yang dibina oleh al-Manṣūr dan melayangkan diri mereka ke bawah seolah-olah mereka sedang terbang.¹³

Melihat kepada perlakuan ini Khalīfah bertindak menangkap pemimpin-pemimpin mereka dan memenjarakan sejumlah dua ratus pengikut mereka. Keadaan ini membangkitkan kemarahan di kalangan pengikut yang masih tinggal.¹⁴ Mereka berkumpul semula dan berjaya memecahkan pintu penjara serta membebaskan pemimpin-pemimpin mereka yang dipenjarakan. Dari penjara mereka bergerak menuju ke istana Khalīfah serta memerangnya.¹⁵

Al-Manṣūr sendiri keluar memerangi mereka sehingga beliau hampir terbunuh dalam peristiwa ini. Walaubagaimanapun beliau diselamatkan oleh Ma’an b. Zā’idah al-Syaibānī.¹⁶

Sungguhpun kumpulan ini berasaskan kepercayaan agama yang menyeleweng, namun al-Manṣūr melayani mereka sebagai musuh politiknya kerana

¹³ Hasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 105.

¹⁴ Al-Ṭabarī, loc. cit.; Van Vloten (1933), *al-Siyādah al-‘Arabīyyah wa al-Syī’ah wa al-Isra’īliyyāt fī ‘Ahd Banī Umayyah*, Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan et. al. (terj.), Mesir: Tab’ah al-Rahmāniyyah, Kaherah, h. 82 dan 96.

¹⁵ Ibn Ṭabā Ṭibā (1966), op. cit., h. 160-161.

¹⁶ Ma’an b. Zā’idah al-Syaibānī adalah salah seorang panglima perang kerajaan Umayyah yang memimpin penentangan terhadap Ibn Hubayrah, Gabenor kerajaan ‘Abbāsiyyah di ‘Iraq pada awal penubuhan Dinasti ‘Abbāsiyyah. Keadaan ini memaksa beliau menyembunyikan dirinya sehinggalah berlaku pemberontakan Rawāndīyyah dimana beliau keluar dari persembunyiannya sebagai hero yang menyelamatkan nyawa Khalīfah al-Manṣūr. Atas jasanya itu, al-Mansur memberikan hadiah sepuluh ribu Dirhām serta melantiknya sebagai Gabenor Yaman. Lihat Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 78; Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), loc. cit., j. 2, h. 105.

mereka adalah pengikut Abū Muslim al-Khurāsānī. Justeru itu beliau bertindak memerangi mereka. Walaupun al-Manşūr bersungguh-sungguh memerangi kumpulan ini namun beliau tidak berjaya menghapuskan mereka ke akar umbi. Ini dapat dilihat apabila mereka melancarkan pemberontakan-pemberontakan lain selepas itu seperti pemberontakan al-Muqanna'iyah¹⁷ dan Bābak al-Khurramī.¹⁸

4.3.5 Pemberontakan al-Şafariyyah

Pemberontakan al-Şafariyyah (satu kumpulan dari Khawārij) berlaku di beberapa negeri di Afrika. Antara pemuka-pemuka al-Şafariyyah ialah Abū Ḥātim al-Anmaṭī, Abū 'Ubbād dan Abū Qurrah al-Şafārī. Kumpulan ini berjaya mempengaruhi lebih tiga ratus lima puluh ribu penduduk Afrika. Pemberontakan ini sampai ke kemuncaknya apabila kumpulan ini berjaya membunuh Timbalan Gabenor Afrika iaitu 'Umar b. 'Uthmān b. Abū Şafrah dan menewaskan tentera kerajaan di Afrika. Mereka kemudiannya melakukan kerosakan besar dengan membunuh tanpa rasa belas kasihan. Ramai kanak-kanak dan wanita yang tidak berdosa menjadi mangsa kezaliman puak ini.¹⁹

¹⁷ Pemberontakan *al-Muqanna'iyah* tercus pada zaman Khalifah al-Mahdī selepas pemerintahan al-Mansur. *Al-Muqanna'iyah* dan *al-Rawandiyyah* mempunyai persamaan dimana kedua-dua kumpulan ini berasaskan kepada kepercayaan yang salah. Antara lain kepercayaan al-Muqanna'iyah ialah keyakinan bahawa roh Allāh menjelma pada tubuh Abū Muslim al-Khurāsānī, maka Abū Muslim dianggap sebagai tuhan yang sentiasa hidup dan tidak mati. Mereka menganggap bahawa orang yang dibunuh oleh al-Manşūr bukanlah Abū Muslim sebenarnya. Ia adalah syaitan yang menyerupai Abu Muslim. Justeru itu mereka sentiasa menanti kepulangan Abū Muslim. Lihat al-Syahrastānī (1965), op. cit., h. 205-207.

¹⁸ Hasan Ibrāhīm Ḥasan, loc. cit.

¹⁹ Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 113.

Menyedari bahaya yang ditimbulkan oleh kumpulan Khawārij, al-Manšūr memerintahkan lima puluh ribu tenteranya ke Afrika dibawah pimpinan Yazīd b. Ḥātim. Bagi memastikan kejayaan misi ini, al-Manšūr membelanjakan lebih enam puluh tiga ribu Dirham. Ini termasuk melengkapkan pasukan tentera dengan senjata, bekalan dan sebagainya.²⁰

Pemberontakan yang bermula pada tahun 153H. ini akhirnya berjaya dilemahkan oleh Yazīd b. Ḥātim pada tahun 155H. Abu Ḥātim dan Abu ‘Ubbād adalah antara pemimpin kanan kumpulan al-Ṣafariyyah yang berjaya dibunuh.²¹

4.3.6 Pemberontakan ‘Alawiyyīn

Perjuangan ‘Alawiyyīn dalam menuntut hak *Khilāfah* berterusan semenjak pembunuhan al-Imām Husayn b. ‘Alī k.w. di Karbalā’ pada tahun 61H..680M. Pada zaman Banī Umayyah berkuasa, kumpulan ini ditindas dengan teruk oleh Khalīfah-khalīfahnya. Lantaran tribulasi yang mencengkam pergerakan ini dari semasa ke semasa, maka graf pergerakan dan perjuangan mereka mengalami pasang surut. Bilamana penindasan keterlaluan, aktiviti mereka diminimumkan, sebaliknya apabila penindasan berkurangan, aktiviti mereka dimaksimumkan.²²

Gerakan ‘Alawiyyīn mula menonjolkan aktivitinya secara jelas apabila *al-Da‘wah li al-Riḍā min Āli Muḥammad* dilancarkan dengan dokongan dari Banī

²⁰ Ibid., j. 10, h. 114.

²¹ Ibid., j. 10, h. 116.

²² Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 123.

‘Abbās. Gandingan mantap dua keturunan ini memberikan kesan positif dalam usaha mereka menyapakan penguasaan Banī Umayyah, apalagi mereka mendapat bantuan tokoh-tokoh berpengalaman dan berpengaruh seperti ‘Abd Allāh b. ‘Alī dan Abū Muslim al-Khurāsānī.

Namun keakraban antara ‘*Alawiyyīn* dan ‘*Abbāsiyyīn* tercemar apabila golongan ‘*Alawiyyīn* merasa tertipu bilamana Abū al-‘Abbās dilantik menerajui *Khilāfah* setelah *daulah* Banī Umayyah di Timur berjaya dihancurkan.

Penentangan mereka terhadap kepemimpinan ‘*Abbāsiyyīn* terlihat secara jelas apabila Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah* enggan memberi *bay’ah* kepada Abū al-‘Abbās *al-Saffāh* bilamana diminta berbuat demikian oleh Abū Ja‘far al-Manṣūr. Al-Manṣūr ditugaskan mengambil *bay’ah* dari penduduk Hijāz.²³ Sewaktu al-Manṣūr menerajui kepimpinan negara, Muḥammad dan saudaranya Ibrāhīm juga melengah-lengahkan pemberian *bay’ah* mereka kepada beliau.²⁴

Sungguhpun Muḥammad diumpan dengan berbagai ganjaran lumayan dengan disulami kata-kata yang lembut dari pihak al-Manṣūr, namun itu tidak menjejaskan pendiriannya. Dia terus bertegas bahawa dialah yang berhak dilantik sebagai Khalīfah atas alasan berketurunan ‘Alī, dia adalah *Waṣī* dan *Imām*.

²³ Al-Ṭabarī (1939), *op. cit.*, j. 9, h. 180.

²⁴ *Ibid.*

Pendirian tegasnya ini dapat dilihat dalam siri-siri suratnya yang diutuskan kepada al-Manşūr.²⁵

Kebangkitan Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah* mendapat sokongan penduduk-penduduk Madinah yang sememangnya menyimpan perasaan simpati terhadap keluarga 'Alī. Apalagi keperibadian beliau yang menarik hati orang yang melihatnya. Ibn Tabātībā menyifatkan Muḥammad sebagai seorang tokoh Banī Hāshim yang berperwatakan baik, mulia, memiliki sifat-sifat terpuji, berpengetahuan tinggi, tidak suka pertumpahan darah, suka memaafkan kesalahan orang, kuat beribadat serta zuhud. Kerana itu beliau dipanggil *al-Nafs al-Zakiyyah* (berjiwa suci)²⁶

Kesungguhan Muḥammad menyebarkan pengaruhnya di Hijāz akhirnya berhasil apabila beliau diiktiraf oleh penduduk Mekah dan Madinah sebagai *Amīr al-Mukminīn*. Kejayaan ini juga dikaitkan dengan faktor dokongan padu *fuqahā' al-Hijāz* seperti Imām Mālik yang mengeluarkan fatwa bahawa *bay'ah* kepada al-Manşūr terbatal kerana wujud unsur paksaan.²⁷

Bertolak dari pengiktirafan penduduk Hijāz dan dokongan *fuqahā' al-Hijāz* disamping faktor-faktor lainnya, *al-Nafs al-Zakiyyah* memberanikan dirinya keluar

²⁵ Ibn Ṭabā Ṭibā (1966), op. cit., h. 147-148.

²⁶ Ibid., h. 147.

²⁷ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 206.

dari persembunyiannya pada tahun 145H.²⁸ Sebelum itu beliau menjalankan kegiatannya secara bersembunyi kerana al-Manşūr berusaha menjejaknya.

Penentangan Muḥammad terhadap kepemimpinan al-Manşūr sampai ke kemuncaknya apabila beliau bersama-sama dua ratus lima puluh penyokongnya bertindak menyerbu penjara Madinah serta membebaskan tahananannya. Kumpulan ini kemudiannya berjaya memberkas Gabenor Madinah dan memenjarakannya di penjara yang sama. *Al-Nafs al-Zakiyyah* kemudiannya menaiki minbar masjid serta menyampaikan ucapannya yang berupa kecaman terhadap al-Manşūr, pujian kepada penduduk Madinah dan keyakinan dirinya bahawa beliau lebih berhak memegang teraju kepimpinan berbanding al-Manşūr.²⁹

Di samping menggiatkan seruannya di Hijāz, Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah* mengutus saudaranya Ibrāhīm ke 'Iraq bagi melebarkan pengaruh 'Alawīyyīn disana. Namun berita pengutusan Ibrāhīm ke 'Irāq sampai ke pengetahuan al-Manşūr. Al-Manşūr lantas melepaskan perisik-perisiknya untuk menjejaki Ibrāhīm. Walaubagaimanapun Ibrāhīm berjaya melepaskan dirinya dari al-Manşūr dengan helah yang diciptanya. Beliau meneruskan kegiatannya di Baṣrah.³⁰ Di sana Ibrāhīm mendapat sokongan dari beberapa entiti penting masyarakat Baṣrah yang terdiri daripada para *fuqaha' al-Baṣrah* seperti Imām Abū Ḥanīfah al-Nu'mān, kumpulan Mu'tazilah dan Zaydiyyah.³¹

²⁸ Al-Mas'ūdī (1893), *al-Tanbīh wa al-Ishrāf*, cet. Leiden, h. 340.

²⁹ Al-Ṭabarī (1939), loc. cit., j. 9, h. 204-205.

³⁰ Al-Ya'qūbī (t.t.), op. cit., h. 453-454.

³¹ Al-Ṭabarī, loc. cit., j. 9, h. 252.

Bertolak dari keyakinan terhadap sokongan yang diberikan inilah, Ibrāhīm melancarkan pemberontakan bersenjata ke atas al-Manṣūr. Beberapa siri penentangannya ini berjaya membuahkan hasil. Antaranya menguasai *Dār al-Imārah* (kediaman Gabenor) yang didiami oleh Gabenor Baṣrah iaitu Sufyān b. Mu'āwiyah, menguasai Perbendaharaan Baṣrah (*Bayt al-Māl*) dan berjaya mendapat sokongan penduduk Wāsiṭ, Ahwāz dan Parsi.³²

Kebangkitan *'Alawiyyīn* di Ḥijāz dan di Baṣrah sesungguhnya amat membimbangkan al-Manṣūr. Lantaran kebimbangan inilah al-Manṣūr mula menyusun strategi politiknya bagi mengekang kemaraan Muḥammad dan saudaranya Ibrāhīm. Ini termasuklah usahanya memburu mereka dengan menggunakan khidmat perisikan, tangkapan ke atas kaum keluarga Muḥammad dan Ibrāhīm.³³ Tentunya tangkapan ke atas kaum keluarga Muḥammad dan Ibrāhīm bermotifkan politik untuk memaksa dua tokoh tersebut menyerah diri atau sekurang-kurangnya keluar dari persembunyian mereka.

Semua usaha al-Manṣūr tidak berjaya pada peringkat awalnya kerana tidak mendapat kerjasama dari tahanan dan kurang sokongan dari pembesar Madinah dan penduduknya. Ziyād b. 'Abd Allāh, seorang Gabenor Madinah dipecat oleh al-Manṣūr kerana bertindak membantu Muḥammad dan Ibrāhīm menyembunyikan diri mereka, walaupun sebelum itu beliau pernah berjanji untuk menangkap kedua-dua

³² Ibid.

³³ Ibid., j. 9, h. 181-187.

pemimpin *'Alawiyyīn* tersebut.³⁴ Al-Manṣūr juga memecat Muḥammad b. Khālīd atas sebab yang sama.³⁵

Penentangan terbuka yang dilancarkan oleh dua tokoh *'Alawiyyīn* tersebut sememangnya dinantikan oleh al-Manṣūr. Inilah masa yang sesuai untuk beliau bertindak menamatkan penderhakaan mereka setelah sekian lama beliau memburu mereka.

Al-Manṣūr agak berhati-hati ketika berhadapan dengan penentangan Muḥammad di Hījāz. Justeru itu beliau menggunakan taktik yang lebih lunak untuk menarik perhatian Muḥammad. Usaha-usaha diplomasi al-Manṣūr bermula dengan pengutusan surat kepada Muḥammad.³⁶ Kandungan surat beliau sungguhpun bermula dengan nada ancaman, namun disudahi dengan berbagai tawaran sekiranya Muḥammad menamatkan pemberontakannya. Antaranya tawaran pengampunan, tawaran pembebasan kaum keluarga Muḥammad yang dipenjarakan, tawaran wang sejumlah sejuta Dirham, tawaran untuk tinggal aman di mana sahaja tempat yang dikehendaki Muḥammad dan tawaran memenuhi apa sahaja permintaan musuh politiknya itu.³⁷

Namun al-Manṣūr tidak berjaya menjinakkan Muḥammad yang lebih memahami taktik beliau dan sedia maklum tentang sifatnya yang suka memungkir

³⁴ Ibid.

³⁵ Ibid., 2, h. 461.

³⁶ Lihat lampiran.

³⁷ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 210.

janji. Hal ini disebut oleh Muḥammad dalam jawapan balasnya terhadap surat al-Manṣūr.³⁸ Muḥammad mempersoalkan kredibiliti dan keikhlasan al-Manṣūr dalam memenuhi janjinya dengan mengungkit peristiwa yang menimpa Ibn. Hubayrah, ‘Abd Allāh b. ‘Alī dan Abū Muslim al-Khurāsānī.³⁹

Jelas terbayang kekecewaan di wajah al-Manṣūr bilamana beliau membaca jawapan balas Muḥammad kepadanya. Perangkap yang dipasangnya dapat dihidu dengan mudah oleh Muḥammad. Al-Ṭabarī melaporkan bahawa Abū Ayyūb al-Mūriyānī berkata kepada al-Manṣūr bahawa beliau akan membalas surat Muḥammad tersebut. Al-Manṣūr bagaimanapun menolaknya dengan berkata bahawa beliau sendiri yang akan membalasnya kerana pertikaian antara beliau dengan Muḥammad adalah berkaitan dengan keturunan mereka.⁴⁰

Surat al-Manṣūr seterusnya dipenuhi dengan alasan-alasan yang menyokong kemuliaan keturunannya berbanding keturunan Muḥammad. Tulisan beliau sarat dengan ayat-ayat al-Qur’ān untuk menyokong pendiriannya.⁴¹ Namun ia tidak menghasilkan apa-apa perubahan pada pendirian Muḥammad.⁴²

Keadaan ini memaksa al-Manṣūr mengambil pandangan beberapa orang tokoh seperti Abu Muslim al-‘Uqaylī, ‘Abd Allāh b. ‘Alī yang sedang dipenjarakan

³⁸ Lihat lampiran.

³⁹ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 210-211; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 254.

⁴⁰ Al-Ṭabarī, loc. cit., h. 111-113.

⁴¹ Lihat lampiran

⁴² Ibn Ṭabā Ṭibā (1966), op. cit., 147-148.

dan juga 'Īsā b. Mūsā, Putera Mahkota.⁴³ Al-'Uqaylī adalah seorang tokoh veteran yang berpengalaman serta mempunyai pandangan yang betul. Sementara bapa saudaranya, 'Abd Allāh mempunyai pengaruh yang besar di Syām, Kūfah dan sekitarnya. Ini membolehkan al-Manṣūr mempergunakan pengaruh bapa saudaranya bagi menyekat kebangkitan 'Alawiyyīn di sana atau menangkap tokoh-tokoh 'Alawiyyīn yang melarikan diri ke sana. 'Īsā b. Mūsā pula berpengalaman luas dalam selok belok peperangan.

Kata sepakat akhirnya dicapai iaitu menghancurkan kebangkitan Muḥammad dan Ibrāhīm, saudaranya. Bagi memastikan misi ini tercapai, al-Manṣūr melantik 'Īsā b. Mūsā, Putera Mahkota sebagai panglima perang. 'Īsā b. Mūsā dibantu oleh 'Abd Allāh b. 'Alī, bapa saudara al-Manṣūr.⁴⁴

Pertembungan antara dua kekuatan akhirnya berlaku pada bulan Ramaḍān 145H. Al-Ṭabarī meriwayatkan bahawa jumlah penyokong Muḥammad disekitar seratus ribu orang. Jumlah ini bagaimanapun merosot setelah mereka mendapat berita pergerakan tentera al-Manṣūr ke Madinah. Kemerosotan ini meletakkan Muḥammad dalam keadaan serba salah, antara bertahan di Madinah atau melarikan diri ke Mesir seperti saranan sebahagian penyokongnya. Bagaimanapun Muḥammad menerima saranan penyokongnya yang mendesaknya supaya bertahan di Madinah⁴⁵.

⁴³ Al-Ṭabarī (1939), *op. cit.*, j. 9, h. 216.

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Ibid.

Kurangnya pengalaman di medan tempur dan semangat juang yang rendah di kalangan penyokong Muḥammad mengakibatkan mereka ditimpa kekalahan teruk dalam peperangan ini.⁴⁶ Al-Mas'ūdī melaporkan bahawa al-Manṣūr menghantar sejumlah tenteranya yang ramai dengan empat ribu darinya adalah tentera berkuda. Tentera pimpinan 'Isā b. Mūsā ini dibantu pula oleh ketumbukan lain yang dipimpin oleh Muḥammad b. Quḥṭabah.⁴⁷ Muḥammad akhirnya terbunuh dalam peperangan ini pada hari Isnin, 14 Ramaḍān 145H.⁴⁸ dan kepalanya dipenggal serta dihantar kepada 'Isā b. Mūsā.⁴⁹

Berita kekalahan dan kematian Muḥammad sampai ke pengetahuan saudaranya, Ibrāhīm tiga hari sebelum hariraya tahun 145H. Keadaan ini mengakibatkan beliau mengalami kejutan dan kesedihan yang amat sangat. Pada hariraya beliau melakukan solat ghaib ke atas jenazah Muḥammad serta mewarwarkan peristiwa yang menimpa keluarganya. Tindakan ini berjaya menarik simpati orangramai pada waktu itu.⁵⁰

Bagi melengkapkan misi al-Manṣūr, 'Isā b. Mūsā meneruskan perjalanannya ke 'Irāq untuk menghapuskan pemberontakan Ibrāhīm. Kedua-dua kekuatan ini

⁴⁶ Hasan Ibrāhīm Hasan (1983), op. cit., j. 2, h. 134-135.

⁴⁷ Al-Mas'ūdī (1364H), op. cit., j. 2, h. 237-238

⁴⁸ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h.216.

⁴⁹ Memenggal kepala tokoh-tokoh pemberontakan merupakan amalan yang biasa dilakukan bertujuan menimbulkan rasa takut di kalangan penyokong-penyokong mereka. Kepala tokoh yang dipenggal ini kemudiannya dihantar kepada Khalīfah dan diarak dari satu kawasan ke satu kawasan lain, sementara badannya pula disalib di tempat-tempat awam. Tindakan memenggal kepala ini kebiasaannya melibatkan tokoh-tokoh pemberontakan, khususnya 'Alawiyyīn. Kepala Ibn. Al-Ḥamq al-Khuzā'i (salah seorang pembunuh 'Uthmān b. 'Affān) merupakan kepala pertama yang diarak dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Kepala-kepala ini kemudiannya disimpan dalam satu gedung khas yang dinamakan *khizānah al-ru'ūs*. Lihat Jurjī Zaydān (1958), op. cit., j. 4, h. 96-97.

⁵⁰ Al-Ṭabarī, loc. cit.

bertembung di Bākhmarrā iaitu satu tempat di antara Kūfah dan Wāsiṭ. Pertempuran sengit yang berlaku antara dua kumpulan tentera ini menyaksikan sayap tentera yang dipimpin oleh Ḥamīd b. Quḥṭabah mengalami kekalahan. Tentera al-Manṣūr hampir-hampir dapat dikalahkan, namun Pemerintah Tertingginya, ʿĪsā b. Mūsā bertegas untuk terus bertahan dalam mana keadaan sekalipun samada terbunuh (kalah) atau mencapai kejayaan.⁵¹

Barisan tentera ibrahīm akhirnya lumpuh apabila ramai pengikutnya melarikan diri dari medan tempur. Ibrāhīm yang mengalami kemerosotan penyokong terus bertahan dengan bilangan pejuang yang sedikit. Beliau akhirnya terbunuh setelah terkena rejaman panah di kerongkongnya. Seperti biasa Ḥamīd b. Quḥṭabah memenggal kepala tokoh tersebut dan mengutuskannya kepada ʿĪsā b. Mūsā. Peristiwa ini berlaku pada hari Isnin, 5 Dhū al-Qa'dah 145H.,⁵² iaitu lebihkurang lima puluh hari selepas kematian Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah*, saudaranya.

Dengan tumpasnya dua tokoh *ʿAlawiyyīn* ini, maka kekuatan pergerakan ini mulai lemah. Khalīfah-khalīfah ʿAbbāsiyyah selepas itu tidak lagi merasa bimbang terhadap ancaman *ʿAlawiyyīn*. Para Khalīfah hanya mengawasi sahaja pergerakan tokoh-tokoh yang masih tinggal.⁵³

⁵¹ Ibid., j. 2, h. 257-258 ; al-Mas'ūdī (1346H), op. cit., j. 2, h. 338.

⁵² Al-Ya'qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 456 ; al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 259.

⁵³ Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 138.

4.4 Ancaman Abū Muslim

Dalam bab III disertasi ini, saya telah memperkatakan beberapa aspek berkenaan Abū Muslim yang melibatkan nama, keturunan dan pengaruhnya dalam menjayakan misi gerakan ‘Abbāsiyyah untuk menguasai persada pemerintahan. Sementara fokus saya dalam perbincangan di sini pula ialah mengenai aspek ancaman Abū Muslim terhadap al-Manṣūr. Isu-isu yang akan diketengahkan membabitkan faktor-faktor ketokohan Abū Muslim; bibit-bibit permusuhan dan punca kerenggangan hubungan antara dua tokoh ini; sebab-sebab al-Manṣūr menganggap Abū Muslim sebagai satu ancaman; dan bagaimanakah *siasah* al-Manṣūr dalam hal ini.

4.4.1 Faktor-faktor Ketokohan Abū Muslim

Ketokohan Abū Muslim adalah suatu yang tidak terselindung lagi. Penghormatan yang diberikan kepadanya oleh Khalīfah Banī ‘Abbās sudah cukup untuk membuktikan kehebatannya. Al-Ṭabarī pernah melaporkan bahawa Khalīfah Abū al-‘Abbās tidak akan membuat apa-apa keputusan tentang sesuatu perkara yang penting kecuali Abū Muslim ada bersama-samanya.⁵⁴ Ketokohan Abū Muslim adalah berlatarbelakangkan beberapa faktor, iaitu:⁵⁵

⁵⁴ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 153.

⁵⁵ Hasan Aḥmad Maḥmūd et. al. (1973), op. cit., h. 51-57.

- i- *Berpengalaman luas tentang selok belok (uslūb) peperangan*: Antara buktinya ialah kebijakan beliau memilih masa yang sesuai untuk berperang. Kerap kali beliau memilih (*qalb al-syitā'*) iaitu kemuncak kesejukan musim sejuk untuk melancarkan serangan. Beliau memanfaatkan musim sejuk secara optimum kerana kebiasaannya kekuatan musuh turun pada tahap minima bila menghadapi cuaca sejuk yang keterlaluan. Berbanding para pengikutnya dari kalangan *Khurāsāniyyīn* yang dianggap lasak dan sudah biasa dengan keadaan demikian. Kejayaannya menguasai Merv dan Aṣḥān berlaku pada musim sejuk. Lantaran pengalaman luasnya itu, kemenangan demi kemenangan dicapai dalam siri-siri pemberontakan 'Abbāsiyyah yang dipimpinnya.
- ii- *Berkeupayaan mengurus secara berkesan dan sistematik*: Abū Muslim boleh dianggap sebagai seorang pengurus yang berjaya serta mempunyai hubungan (*public relation*) yang baik dengan pengikutnya. Al-Ṭabarī meriwayatkan bahawa Abū Muslim tidak suka mempamirkan sifatnya sebagai seorang ketua yang hanya mengeluarkan arahan, sebaliknya bersikap ringan tulang dengan membantu pekerja-pekerja bawahannya. Bagi menyelaraskan urusan pembayaran gaji tentera, beliau menubuhkan sebuah jabatan (*dīwān*) untuk tujuan itu. Setiap orang tentera menerima gaji antara tiga dan empat Dirham sebulan. Abū Muslim mengurus sendiri hal ehwal peperangan dan pentadbiran. Untuk mengimami ṣolāt, beliau

menyerahkannya kepada Sulaymān Ibn. Kathīr al-Khuza'i, seorang tokoh *nuqabā'* gerakan Abbāsiyyah ketika itu⁵⁶. Dengan ini Abū Muslim mempraktikkan konsep pembahagian tugas.

- iii- *Siasah yang baik terhadap musuh yang dikalahkan*: Pendekatan Abū Muslim dalam melayani musuh-musuhnya yang tewas amat berbeza sekali dengan pendekatan tokoh-tokoh perang lain. 'Abd Allāh b. 'Alī umpamanya mengenakan tindakan yang keras terhadap musuh-musuhnya, hatta menggali kubur Khalīfah Banī Umayyah serta menyiksa tubuh yang telah kaku. Perkara sebaliknya dilakukan oleh Abū Muslim bilamana beliau bertindak menghormati musuh-musuhnya yang tewas. Ketika Abū Muslim melihat Zayd, *mawlā* Naṣr b. Sayyār cedera setelah tewas kepada tenteranya, beliau mengarahkan Zayd diberi rawatan dan dilayan dengan baik. Setelah sembuh beliau memberikan dua pilihan kepada Zayd samada terus tinggal bersamanya serta menerima *da'wah li al-riḍā min Āli Muḥammad* atau pulang kepada *mawlānya*, Naṣr b. Sayyār, dengan syarat dia berjanji tidak akan memerangi Abū Muslim dan tidak berbohong kepadanya.⁵⁷ Pendekatan dan *siasah* ini tentulah bertujuan memampirkan kepimpinan yang baik bagi menarik perhatian dan sokongan musuh-musuhnya yang ditewaskan.

⁵⁶ Sulaymān Ibn Kathīr dan anaknya, Muḥammad, bagaimanapun dibunuh oleh Abu Muslim setelah dituduh menyebelahi 'Alawīyyīn. Lihat al-Ṭabarī (1939), op., cit., j. 9, h. 90.

⁵⁷ Ibid., j. 9, h. 85-86.

- iv- *Bijak memelihara perpaduan di kalangan penyokongnya:* Dalam usaha memelihara perpaduan antara penyokongnya, Abū Muslim menggunakan pendekatan berahsia secara lebih berhati-hati. Beliau bertindak bijak dengan merahsiakan identiti *Imām* dan visi sebenar perjuangan '*Abbāsiyyīn*. Perkara utama yang beliau lakukan apabila menerima penyokong ialah mengambil sumpah taat setia sepenuhnya kepada *Imām* (*bay'ah*) tanpa mendedahkan identiti *Imām* yang dibay'ahkan. Para pengikut tidak perlu mengetahui butir-butir peribadi *Imām* mereka. Cukup bagi mereka berdiri teguh di belakang *rāyah sawdā'* (panji hitam yang menjadi lambang gerakan *al-riḍā min Āli Muḥammad*) serta meyakinkannya dengan sepenuh hati.⁵⁸
- v- *Memahami dengan baik nature kabilah-kabilah Arab yang mendiami Khurāsān serta bijak mengeksploitasi perpecahan yang berlaku:* Dalam interaksinya dengan kabilah-kabilah Arab yang bertelagah, Abū Muslim dilihat mengambil sikap yang berbeza mengikut keadaan iaitu: I- berkecuali, II- berpihak dan III-menentang kabilah Arab yang memusuhi mereka. Pada peringkat awal, Abū Muslim mengambil sikap berkecuali sehingga semua kabilah yang bertelagah menyangka bahawa beliau menyokong puaknya. Umpamanya dalam persengketaan antara Qaḥṭān dan Rabī'ah dengan Muḍār. Pada peringkat awal beliau memperlihatkan sikap tidak memihak kepada sesiapa, tetapi setelah melakukan helah tertentu, beliau dilihat

⁵⁸ *Ibid.*, j. 9, h. 45-46.

menyebelahi Qaḥṭān dan Rabī'ah. Namun ia tidak menjejaskan hubungannya dengan Muḍar. Bagaimanapun beliau kemudiannya secara total menyebelahi Qaḥṭān dan Rabī'ah dan mengenepikan Muḍar.⁵⁹ Kemungkinan kejayaannya memecahbelahkan perpaduan dan 'aṣabiyyah Arab ini menjadi salah satu faktor pembantu kejayaannya ketika memasuki Merv.

4.4.2 Kerenggangan Hubungan Antara al-Manṣūr dan Abū Muslim

Dari beberapa catatan al-Ṭabarī, ternyata bahawa Abū Muslim seolah-olah meyakini bahawa beliau adalah pengasas sebenar *daulah* 'Abbāsiyyah. Tanpa penglibatannya, gerakan 'Abbāsiyyah tidak mungkin berjaya mencapai matlamatnya. Dia juga berkeyakinan penuh bahawa para pengikutnya di kalangan *Khurāsāniyyīn* menganggapnya sebagai ketua dan seorang negarawan ulung. Keyakinan ini bertapak kukuh di jiwa Abū Muslim sehingga beliau berani menyanggah pendapat dan arahan Abū al-'Abbās seperti yang dilaporkan oleh al-Jahsyiārī.⁶⁰

Kemungkinan tindakan ini adalah sebahagian dari manifestasi rasa tidak puashati atau protes Abū Muslim terhadap *siasah*, pendekatan dan polisi-polisi Banī 'Abbās. Ada catatan yang menyebut bahawa Abū Muslim mempunyai agen

⁵⁹ Ibid.

⁶⁰ Al-Jahsyiārī (1981), op. cit., h. 63.

perisikan (*jasūs*) yang mengawasi pergerakan dan aktiviti Khalifah Abū al-‘Abbās serta melaporkannya kepada beliau.⁶¹

Tindakan-tindakan ini sebenarnya membibitkan kerenggangan dalam hubungan antara tokoh ini dengan Banī ‘Abbās, khususnya Khalifah al-Manṣūr. Al-Manṣūr pernah mencadangkan kepada Abū al-‘Abbās agar mengambil tindakan segera dengan membunuh Abū Muslim kerana ancaman yang mungkin ditimbulkannya.⁶²

Dalam hubungannya dengan al-Manṣūr, beliau beberapa kali dilihat cuba merendah-rendahkan al-Manṣūr.⁶³ Antara tindakan Abū Muslim yang mungkin meninggalkan kesan yang membakar hati al-Manṣūr ialah:

- i- Memprotes perlantikan al-Manṣūr sebagai ketua delegasi haji ke Mekah oleh Khalifah Abū al-‘Abbās. Abū Muslim membantah kerana beliau juga turut serta dalam delegasi tersebut.⁶⁴
- ii- Merendah-rendahkan kedudukan al-Manṣūr dengan membelanjakan banyak wang bagi membaik pulih infrastruktur negara seperti memperbaiki jalan-jalan. Tindakan ini seolah-olah satu sindiran tajam terhadap al-Manṣūr.

⁶¹ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 10, h. 153.

⁶² Ibid.

⁶³ Ibid; Ibn Qutaybah (1972), op. cit., j. 1, h. 26; al-Azdī (1967), op. cit., j. 2, h. 165; al-Dhahabī (1974), op. cit., j. 1, h. 93; al-Suyūfī (t.t.), op. cit., h. 260; al-Imrānī (1975), op. cit., h. 65.

⁶⁴ Beliau dilaporkan sebagai berkata, “kenapa al-Manṣūr tidak memilih tahun lain untuk mengerjakan haji” ? lihat Al-Ṭabarī, loc. cit.

- iii- Berjalan mendahului al-Manşūr sewaktu pulang dari mengerjakan haji.
- iv- Melengah-lengahkan pernyataan taat setia (*bay'ah*) kepada al-Manşūr setelah dilantik sebagai Khalīfah.
- v- Tidak mengucapkan tahniah atas perlantikan al-Manşūr sebagai Khalīfah dalam perutusan takziahnya atas kematian Abū al-'Abbās.
- vi- Menyebut namanya dahulu sebelum menyebut nama al-Manşūr dalam surat-suratnya kepada al-Manşūr.
- vii- Menolak perlantikan sebagai Pemerintah Tertinggi angkatan perang bagi menghadapi pemberontakan 'Abd Allāh pada peringkat awal. Namun atas desakan berbagai pihak, khususnya Setiausahanya, Abū Muslim terpaksa menerimanya.
- viii- Memprotes al-Manşūr kerana menghantar utusannya, Yaqṭīn b. Mūsā untuk mengaudit hasil rampasan perang ekoran kekalahan 'Abd Allāh b. Alī di tangan Abū Muslim. Abū Muslim dilaporkan berniat hendak membunuh Yaqṭīn.⁶⁵
- ix- Memprotes tindakan al-Manşūr melantiknya sebagai Gabenor di Syām dan Mesir, bukannya di Khurāsān seperti kehendaknya.

Beberapa tindakan Abū Muslim di atas ternyata telah mencetuskan satu suasana yang tidak baik dalam hubungannya dengan al-Manşūr. Justeru itu al-Manşūr mula mengatur tindakan selanjutnya dalam usahanya menamatkan ancaman dalaman yang amat berbahaya terhadap masa depan politiknya.

⁶⁵ Ibid., j. 9, h. 161.

4.4.3 *Abū Muslim Menjadi Korban Siasah al-Istidrāj*

Menyedari akan bahaya dan ancaman Abū Muslim, al-Manşūr segera mengatur strategi politiknya bagi menamatkan karier Abū Muslim. Sebenarnya perancangan al-Manşūr dalam menghadapi Abū Muslim bermula semasa Abū al-‘Abbās menjadi Khalīfah lagi. Nasihatnya kepada Khalīfah Abū al-‘Abbās supaya membunuh Abū Muslim⁶⁶ menjadi bukti perancangannya untuk menjatuhkan Abū Muslim sudah lama bermula.

Al-Manşūr mempergunakan sepenuhnya kepakaran dan pengalaman Abū Muslim bagi menghadapi pemberontakan bapa saudaranya, ‘Abd Allāh. Perlantikan Abū Muslim sebagai Panglima perang untuk tujuan itu tentulah satu muslihat politik al-Manşūr yang bersifat serampang dua mata. Al-Manşūr tidak peduli siapa yang tewas kerana kedua-duanya merupakan ancaman terhadapnya. Jika mana-mana dari dua tokoh ini (Abū Muslim dan ‘Abd Allāh) terbunuh, maka mudahlah bagi al-Manşūr untuk menghadapi satu sahaja ancaman yang masih ada.⁶⁷

Setelah ‘Abd Allāh berjaya ditumpaskan, al-Manşūr menghantar juruauditnya yang bernama Yaqīn b. Mūsā kepada Abū Muslim. Pengutusan Yaqīn bertujuan mengaudit *ghanimah* yang diperolehi oleh Abū Muslim setelah tumpasnya

⁶⁶ John Bagut Ghub (1966), op. cit., h. 432; al-Syekh al-Khudārī (1970), op. cit., j. 3, h. 54.

⁶⁷ Al-Syekh al-Khudari, Ibid.

pemberontakan ‘Abd Allāh *al-Saffāh*. Seperti yang disebutkan, Abū Muslim mengkritik hebat kedatangan Yaqtīn serta berhasrat membunuhnya.⁶⁸

Sebaik sahaja al-Manṣūr mengetahui peristiwa ini, beliau segera bertindak melantik Abū Muslim sebagai Gabenor Mesir dan Syām. Sebelum ini Abū Muslim adalah Gabenor Khurāsān dan sekitarnya. Tindakan ini tentunya bermotifkan politik kerana jika Abū Muslim terus memegang jawatan Gabenor di Khurāsān, beliau pasti akan berusaha niengukuhkan kedudukannya di sana dan seterusnya menentang al-Manṣūr.⁶⁹ Mungkin inilah yang menghantui fikiran al-Manṣūr ketika itu.

Walaupun bagaimanapun Abū Muslim bertekad untuk kembali ke Khurāsān. Keazaman Abū Muslim untuk terus pulang ke Khurāsān amat membimbangkan al-Mansur yang lantas memerintahkannya supaya mengadap Khalīfah. Arahan Khalīfah disambut dingin oleh Abū Muslim seperti yang terkandung dalam jawapan balasnya.⁷⁰ Al-Manṣūr seterusnya mengutus jawapan balas melalui utusannya, Abū Ḥāmid al-Murūrūzī.⁷¹ Sebelum itu beliau mengingatkan Abū Ḥāmid agar tidak berkasar ketika memujuk Abū Muslim. Namun begitu jika Abū Muslim masih dengan pendiriannya untuk terus pulang ke Khurāsān, Abū Ḥāmid dikehendaki menggunakan *uslūb*/pendekatan lebih keras termasuk ancaman bunuh.⁷²

⁶⁸ Ibid.

⁶⁹ Hasan Ibrahim Hasan (1983), op. cit., j. 2, h. 98.

⁷⁰ Al-Tabari (1939), op. cit., j. 9, h. 161.

⁷¹ Ibid., j. 9, h. 166-167.

⁷² Hasan Ibrahim Hasan, loc. cit., j. 2, h. 99.

Pendekatan ini akhirnya berjaya mengubah pendirian Abū Muslim apabila ternampak riak kebimbangan di wajahnya. Kebimbangan di tuduh menderhakai Khalīfah bertambah-tambah apabila beliau menerima surat dari Timbalan Gabenornya di Khurāsān. Al-Manṣūr sebelum itu telah menaikkan pangkat Timbalan Gabenor tersebut kepada Gabenor bagi menggantikan Abū Muslim yang dilantik sebagai Gabenor Syām dan Mesir. Kandungan suratnya mendesak agar Abū Muslim akur kepada arahan Khalīfah serta tidak menderhakai ahli keluarga Rasūlullāh s.ʿa.w.⁷³ Abū Muslim akhirnya terpaksa akur dan tunduk kepada kehendak *siasah* al-Manṣūr apabila beliau bersetuju untuk mengadap.

Al-Manṣūr mula merancang pembunuhan Abū Muslim setelah mendapat berita mengenai persetujuannya untuk datang mengadap. Beberapa orang tokoh utama *daulah* ʿAbbāsiyyah dan individu-individu tertentu dari Banī Hāsyim dipanggil bagi menjayakan misi sulit ini. Tidak lama kemudian Abū Muslim diterima mengadap. Al-Manṣūr bagaimanapun memerintahkannya supaya berehat terlebih dahulu kerana kepenatan mengharungi perjalanan yang jauh. Beliau diminta mengadap pada keesokan harinya.⁷⁴

Sewaktu Abū Muslim mengadap pada hari berikutnya, al-Manṣūr mula menghakiminya. Beliau mengungkit beberapa tindakan Abū Muslim yang kurang menyenangkan hatinya. Antara lain persoalan yang dibangkitkan ialah mengenai pengurusan *ghanimah* yang diperolehinya dari ʿAbd Allāh b. ʿAlī; isu pengambilan

⁷³ Ibid.

⁷⁴ Al-Ṭabarī (1939), *op. cit.*, j. 9, h. 166-167.

tanah yang tidak diusahakan (*al-mawāt*) pada zaman Khalīfah Abū al-‘Abbās; isu keturunan; beberapa tindakan Abū Muslim yang membelakangkan al-Manṣūr seperti mendahului al-Manṣūr dalam perjalanan ketika pulang dari mengerjakan haji; keenggannya menemui al-Manṣūr atau menunggu beliau setelah mendapat berita perlantikannya sebagai Khalīfah; kengganannya untuk terus menuju ke Khurāsān setelah diarahkan ke istana Khalīfah; pembunuhan Sulaymān Ibn Kathīr,⁷⁵ salah seorang tokoh *Nuqabā’* dalam gerakan ‘Abbāsiyyah dan beberapa isu lain.⁷⁶ Al-Manṣūr juga menuduh Abū Muslim berniat menjatuhkannya dari tampuk pemerintahan.⁷⁷

Setelah berakhirnya penghakiman ini, al-Manṣūr lantas memberikan isyarat kepada ketua pengawalnya, ‘Uthmān b. Nahyak dengan bertepuk tangan. Memahami isyarat tersebut, ‘Uthmān bersama-sama Syabīb dan Ḥarb terus meluru dan membunuh Abū Muslim.⁷⁸ Abū Muslim akhirnya gugur menjadi korban *siasah al-istidrāj* Khalīfah al-Manṣūr setelah kepakaran, pengalaman dan ketokohnya dieksploitasi sepenuhnya oleh al-Manṣūr.

Hasan Ibrāhīm Ḥasan menyifatkan tragedi yang menimpa Abū Muslim adalah sebahagian dari manifestasi *siasah* al-Manṣūr dalam melakukan pembunuhan

⁷⁵ Peristiwa pembunuhan Sulaymān bermula dengan pembunuhan anaknya, Muḥammad b. Sulaymān b. Kathīr yang amat membenci Abū Muslim kerana dianggap mengambil alih urusan bapanya. Dilaporkan bahawa Sulaymān pernah berdoa-sambil memegang setangkai anggur hitam- dengan katanya: Ya Allāh ! hitamkan wajah Abū Muslim seperti kamu hitamkan anggur ini serta matikan Abū Muslim. Setelah Abū Muslim mendapat tahu bahawa Sulaymān merendah-rendahkannya beliau mengambil tindakan membunuhnya atas dakwaan beliau pro ‘*Alawīyyin*. Lihat Van Vloten (1933), op. cit., h. 80.

⁷⁶ Ibid. ; al-Ṭabarī, loc. cit.

⁷⁷ Al-Mas‘ūdī (1364H), op. cit., j. 2, h. 167

⁷⁸ Ibid.

Banī ‘Abbās. Ini bertujuan untuk menyingkirkan secara halus Putera Mahkota yang bukan dari keturunan Khalīfah yang memerintah.

Menurut al-Dhahabī, ‘Īsā b. Mūsā dipaksa meletakkan jawatan Putera Mahkota I serta menyerahkannya kepada anak al-Manṣūr, Muḥammad al-Mahdī. Sebagai ganjaran kepada kesediaan beliau menerima jawatan Putera Mahkota II, al-Manṣūr memberikannya sebanyak lima ratus ribu Dīnār.⁸⁴

4.6 Siasah al-Manṣūr Terhadap ‘Īsā

Usaha al-Manṣūr untuk meminggirkan terus ‘Īsā dari jawatannya tidak berhenti setakat itu sahaja, tetapi berterusan seperti yang dapat dilihat dalam tindakan-tindakannya selepas itu. Pada tahun ‘Īsā dipinggirkan dari jawatan Putera Mahkota I, al-Manṣūr menyerahkan urusan pengawasan ‘Abd Allāh b. ‘Alī kepadanya.⁸⁵ Perintah ini dikeluarkan sebelum beliau berangkat ke Makkah bagi mengerjakan haji pada tahun 147H/ 764M⁸⁶. Dalam tempoh ini terserlah siasah al-Manṣūr dalam usahanya untuk menyingkirkan ‘Īsā.

Setelah ‘Īsā b. Mūsā bersetuju menerima tanggungjawab itu, al-Manṣūr membisikkan kepadanya dengan berkata:

⁸⁴ Al-Dhahabī (1974), op. cit., j. 1, h. 101, 104.

⁸⁵ Sebelum ini ‘Abd Allāh diletakkan di bawah pengawasan ‘Īsā b. ‘Alī, saudara kandungnya selama lapan tahun. Lihat Ibid.

⁸⁶ Ibid.

"kamu adalah Putera Mahkotaku selepas al-Mahdī, kamu tentu maktum bahaya yang dibawa oleh bapa saudaraku 'Abd Allāh. Sekiranya beliau berjaya mencapai cita-citanya, tentu engkau tidak akan dilantik menjadi Putera Mahkota. Justeru itu dia adalah musuhku dan juga musuhmu. Aku berharap kamu merancang pembunuhannya sewaktu ketiadaanku, janganlah teragak-agak melakukannya". 'Īsā b. Mūsā mengiyakan kata-kata al-Manṣūr tersebut.⁸⁷

Dalam perjalanan menuju ke Makkah, al-Manṣūr berkali-kali menghantar utusan kepada 'Īsā bertanyakan tentang komplot pembunuhan yang dirancangnya. 'Īsā memberikan jawapan positif bahawa beliau telah melaksanakan arahan Khalifah. Hakikatnya 'Īsā yang sedar akan perangkap yang dipasang oleh al-Manṣūr tidak bertindak melaksanakan perintah itu.⁸⁸ Jika beliau bertindak membunuh 'Abd Allāh, Khalifah tentu akan menyalahkannya dan seterusnya mengenakan hukuman *qisās* keatasnya seperti kata-kata nasihat Yūnus b. Farwah, Setiausahanya.⁸⁹

Tindakan al-Manṣūr mendahulukan al-Mahdī bagi jawatan Putera Mahkota tanpa menghiraukan sumbangan beliau ('Īsā b. Mūsā) sudah tentu dijadikan pengajaran oleh 'Īsā dalam melaksanakan apa-apa tindakannya. Penurunan jawatan beliau kepada Putera Mahkota II telah menjadi bahan ketawa dan ejekan⁹⁰ masyarakat Kufah terhadapnya. Al-Manṣūr telah melakukan semua ini terhadapnya tanpa sebarang rasa hormat kepada perjanjian yang dibuat mahupun sumbangan-

⁸⁷ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 270; al-'Imrānī (1975), op. cit., h. 63.

⁸⁸ Al-'Imrānī, Ibid.

⁸⁹ Al-Jahsyiyārī (1981), op. cit., h. 130.

⁹⁰ Setelah 'Īsā b. Mūsā diturunkan jawatannya kepada Putera Mahkota 2, beliau bertindak meninggalkan Hāsyimiyyah dan menuju ke Kūfah. Setibanya di Kūfah beliau dihalangi oleh seorang wanita yang melemparkan kata-kata, "sebelum ini orang itu (merujuk kepada 'Īsā) adalah esok, tetapi bertukar kepada lusa (dari Putera Mahkota I kepada Putera Mahkota 2)". Lihat al-'Imrānī, loc. cit., h. 64.

sumbangan yang telah diberikan. Tentulah tidak mustahil al-Mansur akan melakukannya sekali lagi. 'Īsā amat sedar helah al-Manṣūr kali ini.

Sebaik sahaja al-Manṣūr pulang dari menunaikan haji beliau terus bertanya kepada 'Īsā tentang bapa saudaranya, 'Abd Allāh. 'Īsā menegaskan bahawa beliau telah membunuhnya mengikut arahan Khalīfah. Mendengar sahaja kata-kata 'Īsā, al-Manṣūr lantas menafikan bahawa beliau yang memerintahkan pembunuhan itu dan dalam masa yang sama beliau memanggil kaum keluarga 'Abd Allāh.⁹¹ Di saat itu 'Īsā mulai yakin niat jahat al-Manṣūr terhadapnya.

Kedua-dua pihak dilihat bertegas dengan pendirian mereka. 'Īsā mengemukakan surat-surat arahan supaya membunuh 'Abd Allāh yang dihantar kepadanya oleh Khalīfah sebagai bukti,⁹² sementara Khalīfah bersungguh-sungguh menafikannya. Namun kaum keluarga 'Abd Allāh termakan dengan hasutan al-Manṣūr yang menyalahkan 'Īsā dan menghasut mereka supaya menuntut bela atas kematian 'Abd Allāh.⁹³

'Īsā bagaimanapun terselamat apabila membuka rahsia bahawa beliau tidak membunuh 'Abd Allāh, sebaliknya 'Abd Allāh selamat dalam jagaannya. Beliau kemudiannya membawa 'Abd Allāh ke hadapan al-Manṣūr. Khalīfah Al-Manṣūr

⁹¹ Al-Jahsyiyārī (1981), loc. cit.

⁹² Semasa dalam perjalanan mengerjakan haji, al-Manṣūr telah menghantar tiga pucuk surat kepada 'Īsā yang mengarahkannya membunuh 'Abd Allāh. Lihat al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 270.

⁹³ Ibid; al-Jahsyiyārī, loc. cit.

begitu terkejut dengan apa yang berlaku kerana menurut sangkaannya ‘Abd Allāh telah dibunuh oleh ‘Īsā, Putera Mahkota II, seperti arahannya sebelum ini.⁹⁴

‘Īsā bagaimanapun tersingkir juga dari jawatan Putera Mahkota II yang disandangnya pada masa pemerintahan al-Mahdī setelah beliau dipaksa melepaskan jawatan tersebut. Al-Mahdī kemudiannya melantik dua puteranya iaitu Mūsā sebagai Putera Mahkota I dan Harūn al-Rasyīd sebagai Putera Mahkota II.⁹⁵

4.7 Rumusan Siasah al-Manṣūr

Dari catatan beberapa peristiwa yang dipamirkan sebelum ini jelas bagi kita bahawa al-Manṣūr mempunyai caranya yang tersendiri bagi menamatkan sesuatu penentangan terhadapnya. Beliau juga mempunyai *siasah* tertentu terhadap tokoh-tokoh yang berpotensi mencabar kekuasaannya pada masa depan. Kita bolehlah merumuskan *siasah* beliau dalam hal ini dalam beberapa aspek, iaitu:

4.7.1 *Siasah al-Tuhmah (Tindakan Berasaskan Syak/Tuduhan)*

Tindakan berasaskan syak wasangka atau tuduhan merupakan implementasi kepada wasiat Ibrāhīm al-Imām yang berbunyi “siapa sahaja yang kamu ragui pendiriannya, maka bunuhlah”. Wasiat ini pada asalnya diungkapkan oleh Ibrāhīm

⁹⁴ Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 62 ; al-‘Imrānī (1975), op. cit., h. 64.

⁹⁵ Ibn. Kathīr, loc. cit., j. 10, h. 134.

al-Imām kepada Abū Muslim ketika gerakan ‘Abbāsiyyah dilancarkan.⁹⁶ Antara yang menjadi mangsa *siasah* ini ialah Abū Salāmah al-Khallāl, *Wazīr ‘Alī Muḥammad* yang dibunuh pada zaman Khalīfah Abū al-‘Abbās. Begitu juga Sulaymān Ibn. Kathīr. Kedua-dua mereka dituduh cuba mengkhianati Khalīfah dengan berusaha mengembalikan hak *Khilāfah* kepada ‘*Alawiyyīn*.⁹⁷

Al-Manṣūr juga kelihatan menggunakan *siasah* yang sama dalam mempertahankan kekuasaannya. Sebelum mengambil tindakan membunuh Abu Muslim al-Khurāsānī, al-Manṣūr menghujannya dengan pelbagai tuduhan bagi menghalalkan tindakan beliau seterusnya. Alasan-alasan yang diciptanya bertujuan membenarkan tuduhan bahawa Abū Muslim berniat merampas kuasa darinya.⁹⁸ Tindakan ini adalah selari dengan kata-kata “matlamat menghalalkan cara” (*al-ghāyah tubarrir al-wasīlah*). Antara lain tokoh yang menjadi mangsa *siasah al-tuhmah* yang dipraktiskan oleh al-Manṣūr ialah Ibn. Hubayrah, bekas Gabenor Banī Umayyah di Wāṣit.

Siasah ini menjadi amalan kebanyakan Khalīfah selepas al-Manṣūr. Al-Ma’mūn umpamanya menurut jejak langkah al-Manṣūr apabila mengambil tindakan ke atas Tāhir b. al-Ḥusayn yang sebelum ini banyak membantunya. Beliau mengemukakan alasan/tuduhan yang sama seperti tuduhan al-Manṣūr ketika membunuh Abū Muslim.⁹⁹

⁹⁶ Ibn. Al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 165.

⁹⁷ Ibid., j. 2, h. 227 dan j. 5, h. 183 dan 208.

⁹⁸ Jurjī Zaydān (1958), op. cit., j. 4, h. 131.

⁹⁹ Al-Mas’ūdī (1346H), op. cit., j. 2, h. 213 ; Ibn. Khallikān (t.t.), op. cit., j. 1, h. 237.

Kita berkeyakinan bahawa *siasah* ini adalah bersumberkan wasiat Ibrāhīm al-Imām kepada Abū Muslim sewaktu gerakan ‘Abbāsiyyah sedang rancak digerakkan.

4.7.2 *Siasah Strategi serampang dua :*

Siasah ini bermaksud tindakan yang dilakukan mempunyai agenda sebaliknya di samping tujuan asal. Perlantikan Abū Muslim sebagai Panglima perang bagi menghadapi pemberontakan ‘Abd Allāh adalah bukti paling jelas bagi membenarkan pendekatan atau *siasah* beliau ini.

Al-Manşūr dilihat mengeksploitasi pengalaman dan pengaruh Abū Muslim semaksima mungkin dalam menghadapi kemelut politik dalaman ini. Ahli Sejarah melaporkan bahawa selepas Abū Muslim bersetuju menerima tanggungjawab ini, al-Manşūr berkata kepada orang-orang kepercayaannya, “saya tidak hirau siapa yang tewas dalam peperangan ini, samada Abū Muslim atau ‘Abd Allāh”.¹⁰⁰ Jelas sekali agenda yang tersembunyi di sebalik perlantikan ini. Jika ‘Abd Allāh tewas, maka al-Manşūr hanya akan berhadapan dengan Abū Muslim, begitulah sebaliknya.

Sebenarnya Abū Muslim adalah musuh utama al-Manşūr menurut pandangan pembesar-pembesar ‘Abbāsiyyah. Justeru itu mereka beranggapan bahawa titik awal pemerintahan al-Manşūr baru bermula setelah Abū Muslim dibunuh.¹⁰¹

¹⁰⁰ Al-Mas’ūdī, *op. cit.*, j. 2, h. 167; al-Syekh al-Khuḍarī (1970), *op. cit.*, j. 3, h. 54.

¹⁰¹ Al-Ṭabarī (1939), *op. cit.*, j. 9, h. 167; al-Mas’ūdī, *loc. cit.*

Siasah yang sama juga digunakan apabila al-Manşūr meletakkan tanggungjawab mengawasi ‘Abd Allāh b. ‘Alī kepada ‘Īsā b. Mūsā, Putera Mahkota II sebelum beliau berangkat mengerjakan haji pada tahun 145H. Sebelum bertolak al-Manşūr berpesan agar ‘Īsā merancang pembunuhan ‘Abd Allāh. Begitu juga semasa dalam perjalanan, al-Manşūr berkali-kali mengutus surat kepada ‘Īsā bertanya tentang perkembangan perancangan membunuh bapa saudaranya, ‘Abd Allāh.¹⁰²

Kesungguhan ini membuktikan betapa al-Manşūr melalui taktik halusnya cuba mengaitkan ‘Īsā dengan komplot pembunuhan bapa saudaranya. Jika ‘Īsā melakukannya, maka mudah baginya menyingkirkan ‘Īsā dari jawatan yang disandangnya. Paling tidak al-Manşūr berjaya mencipta permusuhan di antara ‘Īsā dengan keturunan ‘Abd Allāh b. Alī (*Hāsyimiyyīn*).

4.7.3 Helah Diplomasi

Tawaran pengampunan atau jaminan keselamatan adalah sebahagian dari *siasah* al-Mansur dalam usahanya menjerat musuh politiknya. Sewaktu menjejaki bapa saudaranya, ‘Abd Allāh b. ‘Alī, al-Manşūr menggunakan taktik ini untuk memaksa ‘Abd Allāh keluar dari persembunyiannya. *Siasah* ini berjaya menarik perhatian ‘Abd Allāh dan kaum keluarga yang melindunginya. Kandungan surat tawaran pengampunan/jaminan keselamatan sudah cukup untuk membuatkan ‘Abd

¹⁰² Al-Ṭabarī, *loc. cit.*, j. 6, h. 270 ; al-‘Imrānī(1975), *op. cit.*, h. 63.

Allāh mempercayai keikhlasan al-Manşūr.¹⁰³ Namun perkara sebaliknya berlaku apabila al-Manşūr bertindak memenjarakan ‘Abd Allāh dan seterusnya merancang pembunuhannya.

Kes yang sama juga berlaku kepada Ibn Hubayrah apabila beliau menerima perjanjian damai yang dicadangkan oleh al-Manşūr kepadanya.¹⁰⁴ Peperangan yang berlaku di antara beliau dengan al-Manşūr berakhir setelah al-Manşūr menggunakan helah diplomasi. Ibn. Hubayrah dilihat berhati-hati ketika menerima tawaran al-Manşūr untuk berdamai bilamana beliau berbincang selama empat puluh hari dengan para ‘ulamā’ di zamannya. Namun beliau menerima juga pelan damai al-Manşūr.¹⁰⁵ Beliau akhirnya menjadi korban helah diplomasi al-Manşūr setelah dibunuh selepas itu.

Taktik yang sama juga beliau gunakan dalam usahanya menambat hati Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah* yang melancarkan pemberontakan di Hijāz. Namun Muḥammad yang menyedari helah al-Manşūr lantas menolak tawaran tersebut dengan katanya, “jaminan keselamatan apa yang kamu (al-Manşūr) tawarkan kepada saya ? keamanan Ibn Hubayrahkah? Keamanan ‘Abd Allāh, bapa saudara kamukah? atau keamanan Abū Muslim?”¹⁰⁶

¹⁰³ Lihat lampiran surat jaminan keselamatan al-Manşūr kepada ‘Abd Allāh.

¹⁰⁴ Ibn. Hubayrah adalah Gabenor kerajaan Banī Umayyah di Wāsiṭ semasa Abū al-‘Abbās menerajui gerakan Abbāsiyyah. Sejarawan menyebut bahawa al-Manşūr sendiri yang menulis surat jaminan keselamatan tersebut serta ditandatangani oleh Khalifah Abū al-‘Abbās. Ibn Hubayrah bagaimanapun dibunuh selepas itu atas desakan Abū Muslim. Lihat Ibn. Khallikān (t.t.), op. cit., j. 2, h. 279.

¹⁰⁵ Ibid.

¹⁰⁶ Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 254.

Ternyata bahawa pemimpin politik, khususnya penentang al-Manşūr amat memahami *siasah* beliau ketika berhadapan dengan mereka. Jawapan *al-Nafs al-Zakiyyah* ini sudah cukup untuk memberikan gambaran bahawa al-Manşūr memang terkenal dengan helah politiknya.

Tragedi yang menimpa ‘Abd Allāh, Ibn Hubayrah, Abū Muslim dan beberapa pemimpin lain adalah sebahagian dari menifestasi *siasah al-ghadr wa al-makr* yang dipraktiskan oleh al-Manşūr terhadap penentangannya. Tanpa mempedulikan surat perjanjian yang dipersetujuinya, beliau bertindak memenuhi agenda politiknya sekalipun terpaksa mencabul jaminan keselamatan yang diberikan kepada penentangannya.

4.7.4 Memerangkap Musuhnya Dengan Sesuatu Tindakan Yang Diarahkan

Peristiwa peminggiran ‘Īsā b. Mūsā dalam jawatan Putera Mahkota yang disandangnya membenarkan andaian ini. Setelah al-Manşūr pulang dari mengerjakan haji, beliau segera memanggil ‘Īsā dan bertanya tentang bapa saudaranya. Apabila ‘Īsā menjawab bahawa beliau telah membunuhnya seperti arahan al-Manşūr, al-Manşūr bertindak menafikan pembabitannya.¹⁰⁷ Justeru itu beliau menuding jari dengan menyalahkan ‘Īsā atas tindakannya, sedangkan beliau sendiri yang mengarahkannya berbuat demikian.

¹⁰⁷ *Al-Jahsyiyārī* (1981), op. cit., h. 130.

Begitu juga tindakannya memanggil kaum keluarga 'Abd Allāh dan menghasut mereka supaya mengambil tindakan *qisās* terhadap 'Īsā¹⁰⁸ adalah sebahagian dari bukti perencanaan al-Manşūr terhadap Putera Mahkotanya itu. Beliau pastinya mengharapkan tindak balas kaum keluarga 'Abd Allāh terhadap 'Īsā. Keadaan ini sedikit sebanyak pasti akan merosakkan ketokohan 'Īsā sebagai seorang pemimpin ketika itu.

4.7.5 *Penyebaran Propaganda*

Usaha al-Manşūr untuk menjejaki Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah* dan saudaranya Ibrāhīm agak merumitkan kerana tokoh 'Alawiyyīn tersebut mendapat perlindungan dari penduduk Hijāz dan Kūfah.¹⁰⁹ Tindakannya menangkap serta memenjarakan kaum keluarga terdekat Muḥammad juga tidak berjaya menarik perhatian tokoh 'Alawiyyīn itu untuk menonjolkan dirinya.¹¹⁰ Namun kedua-dua tokoh akhirnya tewas di hadapan perancangan halus al-Manşūr.

Menyedari bahawa kaedah ini kurang berkesan, al-Manşūr beralih kepada helah diplomasi seperti yang dinyatakan melalui umpanan jaminan keselamatan dan ganjaran.¹¹¹ Kaedah diplomasi juga tidak berjaya memerangkap tokoh ini kerana mereka sedar akan tipudaya al-Manşūr.

¹⁰⁸ Ibid. ; al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 270.

¹⁰⁹ Ibid., j. 10, h. 181-187.

¹¹⁰ Ibid.

¹¹¹ Ibid.

Al-Manşūr akhirnya menggunakan taktik lain dengan menyebarkan propaganda melalui edaran surat-surat kepada Muḥammad dan saudaranya kononnya perjuangan mereka mendapat sokongan dari wilayah-wilayah Islam lain. Ahli sejarah berpendapat bahawa Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah* sebenarnya tertipu dengan surat yang datang dari wilayah-wilayah Islam bahawa mereka menyokong perjuangannya.¹¹²

Begitu juga dengan fatwa Imām Mālik dan Abū Hanīfah. Terdapat kemungkinan fatwa tersebut sengaja dicipta oleh Al-Manşūr sebagai umpan supaya Muḥammad keluar dari persembunyiannya.¹¹³ Tertipu dengan propaganda tersebut, *al-Nafs al-Zakiyyah* akhirnya keluar dari persembunyiannya untuk melancarkan penentangan secara terbuka terhadap al-Manşūr.

4.7.6 Politik Wang Sogokan Kemewahan

Al-Manşūr juga menggunakan pendekatan sogokan kemewahan dan wang ringgit bagi memenuhi hasrat politiknya, khususnya bagi menamatkan karier saingan politiknya. Fakta Sejarah memperlihatkan bahawa fenomena *politik wang* telah menguasai dunia politik sejak sekian lama. Dalam usaha al-Manşūr menyingkirkan Putera Mahkotanya, 'Isā b. Mūsā, beliau menawarkan lima ratus ribu Dīnār jika 'Isā bersetuju melepaskan jawatannya.¹¹⁴

¹¹² Hasan Ibrāhīm Hasan (1983), op. cit., j. 2, h. 137.

¹¹³ Ibid.

¹¹⁴ Al-Dhahabī (1974), op. cit., j. 1, h. 101, 104.

Al-Manşūr juga menawarkan sejuta Dirham kepada Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah* ketika berusaha secara diplomasi untuk menghentikan pemberontakannya. Surat beliau yang dimulai dengan ancaman turut disulami dengan tawaran pengampunan, tawaran kemewahan, tawaran memenuhi apa sahaja permintaan *al-Nafs al-Zakiyyah* dan sebagainya.¹¹⁵

Samada siasah ini berjaya menarik perhatian musuh-musuh politiknya atau tidak, itu bukanlah menjadi persoalan. Apa yang pasti al-Manşūr telah mengimplementasikan kaedah/*siasah* ini dalam usahanya meminggir atau menghapuskan saingan-saingan politiknya.

4.7.7 Politik Pecah dan Perintah (*Siasah al-Taqsīm*)

Terminologi “*Pecah dan Perintah*” ini bermaksud seseorang Khālifah atau pemerintah mengeksploitasi perpecahan yang diciptanya bertujuan meletakkan mereka dalam kelompok-kelompok kecil yang berbeza pandangan politik. Fenomena ini memudahkan seseorang Khalifah mempertahankan hegemoni politiknya.¹¹⁶

Al-Manşūr juga dilihat menggunakan kaedah ini dalam mempertahankan kuasa politiknya. Percubaan melibatkan Putera Mahkotanya, ‘Īsā b. Mūsā dalam komplot pembunuhan ‘Abd Allāh adalah bertujuan menimbulkan suasana

¹¹⁵ Al-Tabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 210. Lihat juga lampiran surat al-Manşūr kepada *al-Nafs al-Zakiyyah*.

¹¹⁶ Junjī Zaydān (1958), op. cit., j. 4, h. 148.

perpecahan di antara 'Īsā dan *Hāsyimiyyīn*, keturunan 'Abd Allāh. Justeru itu timbul suasana tuduh menuduh antara 'Īsā dan kaum keluarga 'Abd Allāh. Keadaan ini tentunya memberikan *political mileage* kepada al-Manṣūr dalam usahanya menyingkirkan 'Īsā dari jawatan Putera Mahkota yang disandangnya.

Kesedaran al-Manṣūr bahawa *daulah* 'Abbāsiyyah tertegak atas kuasa ketenteraan juga menjadi faktor yang mendorong beliau mempraktikkan *siasah* pecah dan perintah ini.¹¹⁷ Setelah al-Manṣūr berjaya mengekang beberapa pemberontakan besar di zamannya, beliau mula melihat entiti-entiti tentera yang berkhemah di sekitar Baghdād, pusat pemerintahan baru yang diasaskannya. Secara kasarnya, tentera-tentera tersebut berada dalam tiga kelompok utama iaitu Muḍar, Yaman dan Khurāsān. Al-Manṣūr mengeksploitasi keadaan ini dengan menanam sikap fanatik (*ta'aṣṣub*) di kalangan mereka terhadap entiti masing-masing.¹¹⁸

Lantaran itu semua puak menjaga kepentingan masing-masing. Jika mana-mana dari tiga kelompok tentera ini mengancam politik al-Manṣūr, beliau tentunya akan menggunakan entiti yang lain untuk memukul kumpulan tersebut. Keadaan ini menyukarkan mereka untuk bersatu dan memberontak terhadap al-Manṣūr.

Siasah ini menjadi ikutan anaknya, al-Mahdī, semasa menjadi Khalīfah. Justeru itu pengaruh Arab kian terhakis dari *daulah* 'Abbāsiyyah akibat ketaksuban

¹¹⁷ Ibid., j. 4, h. 149.

¹¹⁸ Al-Ṭabarī, loc. cit., j. 9, h. 281-282; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 285.

kepada kabilah/puak masing-masing. Sementara pengaruh Parsi agak menonjol lantaran perpaduan mereka.¹¹⁹

Secara ringkasnya bolehlah dikatakan bahawa al-Manṣūr biasanya mengambil pendekatan diplomasi sebelum menggunakan pendekatan-pendekatan lain. Apabila pendekatan secara diplomasi kurang berkesan, beliau akan bertindak mengikut *siasah*nya yang tersendiri termasuk menggunakan kekerasan. Al-Manṣūr tidak menghiraukan hubungan kekeluargaan dalam usahanya mempertahankan *Khilāfah* yang diterajuinya. Bagi menghadapi saingan politiknya yang tidak melancarkan pemberontakan, beliau biasanya menggunakan *siasah* yang agak licik seperti yang dapat dilihat dalam peristiwa kematian ‘Abd Allāh b. ‘Alī, pembunuhan Ḍ. Abū Muslim dan penyingkiran ‘Isā dari jawatan Putera Mahkota.

¹¹⁹ Jurjī Zaydān (1958), *op. cit.*, j. 4, h. 150.